



KENYATAAN MEDIA

PENUBUHAN JABATAN PEMBANGUNAN KANAK-KANAK SOLUSI TERBAIK DALAM TANGANI SEGERA ISU PENGABAIAN DAN PENDERAAN KANAK-KANAK

PUTRAJAYA, 18 SEPTEMBER 2023 – Bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan yang telah meluluskan penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak bagi menggantikan Bahagian Kanak-Kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berkuat kuasa 1 September 2023.

Kementerian melihat penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan semasa pembentangan Belanjawan Bajet 2023 yang bertemakan “Membangun Malaysia MADANI” pada 24 Februari 2023 lalu, merupakan solusi terbaik dalam menangani segera isu pengabaian dan penderaan kanak-kanak yang semakin meruncing. Jabatan ini diyakini berupaya memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat khususnya kanak-kanak berlandaskan kepada lima teras utama iaitu pencegahan, pembangunan, perlindungan, pemulihan dan pengintegrasian ke dalam masyarakat.

Selain itu, Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak juga telah diluluskan pelantikan sebanyak 169 perjawatan kontrak daripada pelbagai skim perkhidmatan dan gred bagi tahun 2023 untuk memperkukuhkan struktur di peringkat ibu pejabat dan seterusnya di daerah serta jajahan. Ini bagi memastikan kecekapan dan perkhidmatan yang efektif serta profesional dapat diberikan demi kesejahteraan kanak-kanak di negara ini.

Dengan tertubuhnya Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak, usaha menggerakkan komuniti yang telah ditubuhkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak dan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak serta pembantu pelindung akan ditingkatkan di semua 105 daerah. Ini selaras dengan tonggak Malaysia MADANI yang menyasarkan kesejahteraan masyarakat termasuk menjaga keselamatan dan memberi perlindungan kepada kanak-kanak adalah menjadi tanggungjawab bersama seluruh rakyat Malaysia. Kementerian juga menyeru masyarakat untuk terus cakna dalam melindungi kanak-kanak dan laporkan sebarang kes penderaan atau pengabaian kanak-kanak di Talian Kasih 15999 atau Whatsapp 019-261 5999 yang beroperasi selama 24 jam.

###

DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
18 SEPTEMBER 2023